

04/04/2000

Sambutan Merdeka 2000 sebulan

KUALA LUMPUR, Isnin - Perayaan Hari Kemerdekaan 2000 akan disambut secara besar-besaran selama sebulan bermula 17 Ogos hingga 16 September depan.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, berkata perayaan itu akan dijadikan perayaan utama setiap tahun yang dapat diraikan semua golongan masyarakat negara ini, di samping kemeriahan pelbagai perayaan mengikut kaum masing-masing di Malaysia.

Katanya, ini bertepatan dengan semangat patriotisme yang harus diserap di kalangan rakyat dengan mengenang pencapaian negara. Malah tarikh penutup perayaan Hari Kebangsaan pada 16 September adalah sempena tarikh penurunan bendera Union Jack sebagai tanda kemerdekaan bagi Sabah dan Sarawak.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pusat Perayaan Bulan Kemerdekaan, berkata, Hari Kemerdekaan tahun ini bertemakan 'Keragaman Malaysia', sebagai mengenang pencapaian negara sejak merdeka.

"Pemilihan tema ini adalah kerana kita ingin tekankan soal pencapaian negara sejak kita merdeka pada 31 Ogos 1957, kerana bermula daripada itu, semua rakyat dapat merasai nikmat kemerdekaan, tanpa mengira kaum dan parti politik," katanya di pejabatnya di sini, hari ini.

Abdul Kadir berkata, bagi tahun ini, sambutan perayaan Hari Kemerdekaan di peringkat nasional akan diadakan di Shah Alam, Selangor dengan pelancaran kempen mengibar bendera di semua tempat pada 17 Ogos ini, yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)